



KENYATAAN MEDIA

OPS GEMPUR SIRI 4/2020

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI MELAKA

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

KENYATAAN BERKAITAN
PELAKSANAAN OPERASI GEMPUR BIL.4/ 2020
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

Operasi Gempur Bil.4/2020 Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah diadakan dari 11 hingga 12 Ogos 2020 ke atas premis-premis Industri di setiap Daerah di Negeri Melaka. Operasi Gempur kali ini melibatkan seramai 21 orang penguatkuasa JAS Negeri Melaka yang dibahagikan kepada 7 Pasukan Penguatkuasaan.

Objektif Operasi Gempur ini adalah untuk memastikan pihak industri sentiasa bersedia mematuhi kehendak perundangan alam sekitar dalam mereka menjalankan operasi premis. Selain itu, ia juga menunjukkan keseriusan Jabatan dalam membanteras dan mengambil tindakan perundangan kepada mana-mana pihak yang melanggar perundangan alam sekitar.

Pelaksanaan Operasi Gempur ini juga adalah berdasarkan susulan Mesyuarat Pengurusan Kementerian Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh Ybhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air, dimana Jabatan Alam Sekitar diminta untuk menggiatkan lagi aktiviti penguatkuasaan ke atas industri dan punca-punca pencemar bagi mencegah berlakunya kejadian pencemaran alam sekitar yang akan menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Berakhir Operasi Gempur Bil.4/2020 ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 31 bilangan premis industri di setiap Daerah Negeri Melaka. Berikut adalah tindakan penguatkuasaan yang diambil:

Arahan Lapangan	=	31
Notis Arahan	=	16
Kompaun	=	33
Penahanan Operasi	=	6
Perintah Larangan	=	1
Kertas Siasatan	=	4

Dapatan dari Operasi Gempur Bil.4/2020 menunjukkan bahawa kesalahan di bawah peraturan-peraturan berikut telah dilakukan oleh premis yang disiasat mengikut Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 iaitu di bawah;

- i) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
- ii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen) 2009;
- iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005; dan
- iv) Peraturan-Petaruran Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Diharapkan dengan Operasi Gempur Bil.4/2020 ini dan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan dapat memberi mesej kepada semua pihak bahawa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka serius dalam membanteras ketidakpatuhan di bawah AKAS 1974 oleh mana-mana pihak khususnya industri supaya menjalankan operasi premis mereka mengikut kehendak perundangan dan memastikan kepentingan alam sekitar diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka juga ingin mengingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar kehendak perundangan alam sekitar dari operasi ini dan mereka akan dipantau dengan lebih dekat lagi oleh Jabatan. Mereka juga dikehendaki melaksanakan dan membuktikan langkah-langkah pembaikan diambil dengan kadar segera.

Orang ramai boleh membantu Jabatan Alam Sekitar dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

Sekian.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

- TAMAT -
